




**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 27 DISEMBER 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KEKURANGAN BERAS TEMPATAN MEREDA, NEWS, SELANGOR KINI -18 EKSPORT BAWANG CHINA, PAKISTAN, NEWS, SELANGOR KINI -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3.	PINDAH SI BULUS SELEPAS KAWASAN KLINIK HAIWAN BANJIR, NASIONAL, SH -6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	MALAM PEMASAR FAMA NEGERI SELANGOR 2023, KOMUNITI KITA, KOSMO -32	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	STATE'S FISHERMEN TO GET MONSOON AID, NEWS, THE STAR -5	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6.	KELULUT JANA EKONOMI, KETERJAMINAN MAKANAN, K2, KOSMO -22	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7.	LAGI SYARIKAT CABAR KEPUTUSAN PENALTI MyCC, DALAM NEGERI, UM -9	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Kekurangan beras tempatan mereda		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	27 Dec 2023	Color	Black/white
Section	News	Circulation	250,000
Page No	18	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	65 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 640
Frequency	Weekly	PR Value	RM 1,920



Kekurangan beras tempatan mereda


SHAH ALAM - Isu kekurangan bekalan beras putih tempatan kian mereda, dibantu hasil tuaian padi hujung tahun, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mengakui bekalan beras tempatan belum stabil sepenuhnya berikutan permintaan tinggi dalam kalangan pengguna, beliau berkata hasil tuaian itu dalam proses pengilangan, lapor Bernama.

"Beras kita hanya baru 65 peratus, jadi kita tidak cukup 35 peratus, beras tempatan menjadi rebutan sebab harga beras import mahal," katanya di ibu negara pada 18 Disember.

Mohamad Sabu juga menambah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dalam proses penanaman semula padi untuk bekalan tahun hadapan.

Headline	Eksport bawang China, Pakistan		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	27 Dec 2023	Color	Black/white
Section	News	Circulation	250,000
Page No	18	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	72 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 709
Frequency	Weekly	PR Value	RM 2,127



Eksport bawang China, Pakistan

SHAH ALAM - Kerajaan akan mendapatkan bekalan bawang dari China dan Pakistan berikutan keputusan India melarang eksport sayuran tersebut hingga Mac tahun depan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menjelaskan langkah tersebut tidak menyebabkan perubahan ketara kepada harga runcit bawang, lapor Bernama.

"Kita bersedia ke arah itu. Harganya (harga runcit) nanti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan bincang tetapi kesannya tidak banyak," katanya pada 16 Disember.

Pada 8 Disember, India yang menyumbang 36 peratus import bawang ke Malaysia melarang eksport bahan itu bagi meningkatkan bekalan domestik selain membendung inflasi di negara berkenaan.

27/12/2023

SINAR
HARIAN

NASIONAL

6

Pindah si bulus selepas kawasan klinik haiwan banjir

PASIR MAS - Kakitangan sebuah klinik haiwan di bandar Lubok Jong di sini memindahkan kucing selepas kawasan perniagaan berkenaan dinaiki air awal pagi Isnin.

Tindakan segera itu juga bagi memastikan kesemua si bulus selamat dan kesihatan juga terjaga sepanjang berada di klinik.

Kakitangan klinik berkenaan, Anis Shafieqa Ashari, 26, berkata, pemindahan 25 ekor kucing bermula kira-kira jam 9 pagi selepas air mencecah 0.3 meter di sekitar kawasan premis.

Katanya, kesemua kucing itu diletakkan di tempat khas bagi menjaga keselesaan sepanjang berada di tingkat atas.

"Pihak klinik menyediakan beberapa bilik berasingan khusus untuk haiwan yang sedang dalam rawatan atau diantar oleh pemilik untuk jagaan sementara di klinik ini," katanya ketika ditemui di sini pada Isnin.

Anis Shafieqa bersama beberapa rakan sekerja sebelum itu memastikan semua kucing yang perlu dipindahkan diberi makanan dan dibersihkan mengikut keperluan haiwan itu.

Menurut Anis Shafieqa, me-

reka juga perlu memaklumkan kepada pemilik mengenai keadaan kesihatan haiwan di bawah jagaan mereka melalui WhatsApp.

"Kami akan mengemas kini keadaan haiwan itu supaya pemilik tidak bimbang berikutan ada yang masih dalam rawatan," jelasnya.

Katanya, ada pemilik yang meninggalkan kucing di bawah jagaan klinik itu kerana rumah dinaiki air atau bimbang ke-



ANIS SHAFIEQA

selamatan jika kucing itu berada di rumah.

Selain itu, menurutnya, kejadian banjir pernah berlaku tahun lalu tetapi hanya melibatkan tingkat bawah iaitu sedalam kira-kira 0.4 meter.

Justeru, Anis Shafieqa berkata, mereka semua membuat persiapan lebih awal dengan mengemas bahagian bawah klinik itu dan memastikan keadaan selamat untuk semua haiwan berkenaan.



Kakitangan klinik veteriner memindahkan si bulus selepas perniagaan berkenaan dinaiki air awal pagi Isnin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2023	KOSMO	KOMUNITI KITA	32



EXCO Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Izham Hashim (sembilan dari kiri) bergambar bersama penerima anugerah pada Malam Pemasar FAMA Selangor 2023 di Shah Alam baru-baru ini.

JOHOR

State's fishermen to get monsoon aid

Other incentives include support for reduced catch and equipment assistance

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

THE Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) has opened applications for fishermen affected by bad weather during the monsoon season.

LKIM Johor director Intan Suhaila Othman said fishermen could claim up to RM3,000 in compensation.

"So far, no reports have been lodged on untoward incidents, but we have prepared the aid under the Disaster Management Fund just in case.

"They will also receive a subsistence allowance of RM300 per month due to uncertainties in sea catch during this time," she said when contacted.

Intan Suhaila added that those affected would need to alert their respective associations before LKIM could assess the damage and award compensation.

"This year, the government allocated RM10.4mil to be distributed to fishermen in Johor as a monthly allowance from January until December.

"We will also continue our Fishermen Equipment Assistance Touch Point Programme (Touch Point) to distribute equipment to fishermen in the state next year.

"We have also distributed aid worth RM100,000 to fishermen in Johor during the monsoon season earlier this year," she said.

More than 8,000 members come under Johor's various fishermen's associations, with about 3,000 of them receive the monthly allowance.

LKIM chairman Muhammad Faiz Fadzil said the agency had allocated RM250,000 under the Disaster Management Fund to be given to fishermen affected by the monsoon.

"This is besides the monthly allowance," he said.

He said LKIM had also given outboard motor engines, drift nets and 100-litre insulation boxes, worth RM61,500 in total, to 51 fishermen in Pasir Gudang.

"Another two recipients were given outboard motor engines and 35 units of drift nets, worth RM15,900.

"We have also given 50-litre insulation boxes and 123 units



The government gives fishermen several types of aid during the monsoon season, including RM300 monthly allowance for reduced catch in December and January. — Photos: Bernama



Intan Suhaila says RM10.4mil is allocated for Johor fishermen.

of drift nets worth RM9,672 to 16 other fishermen," he said.

The government had allocated RM1.5mil monthly for the Touch Point programme, which had helped 5,141 fishermen nationwide.



Muhammad Faiz (second from right) handing over food aid and nets to fishermen in Kampung Pasir Gudang Baru, Pasir Gudang, Johor.



Varia
Oleh
OLEH SHARIYAH
HANIFFAH WAN SERAIL

BELANJAWAN 2024 telah memperuntukkan sebanyak RM6.17 bilion kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Ia adalah sebagai insentif baik untuk membantu usahawan, selain memacu sektor pertanian serta keterjaminan makanan negara. Hal ini dilihat sebagai satu peluang yang baik bagi perternakan kelulut yang dapat meningkatkan kesejahteraan dan ketahanan hidup masyarakat, di samping mewujudkan strategi pembangunan ekonomi mampan.

Dari perit, lebih itu, kelulut minuman (susu) dan produk sampingan yang bernilai, di dalam industri ini, amat banyak yang menyumbangkan bagi mamfaat." (Surat an-Nahd, 99).

Pensyarah Kanan, Jabatan Pertahanan Tumbuhan, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Syari Jaman, berkata permintaan terhadap madu kelulut sangat tinggi walaupun purata penghasilannya rendah. Kodam ini kerana kelulut menghasilkan madu yang mengandungi banyak vitamin, mineral, dan glikosid (GD) dan tinggi kandungan gula "trehalosa" bermanfaat kepada kesihatan mamasa.

Menurut Dr. Syari Jaman, ternakan kelulut pada masa ini telah menjadi industri yang popular kerana mematu kelulut.

Katanya, ia dianggap sebagai produk premium dengan harga jualan madu kelulut mencapai harga pasaran tinggi, iaitu antara RM220 hingga RM700 setiap kilogram.

Debitum madu kelulut, pelbagai produk biliran boleh dihasilkan, antaranya adalah sabun, gel balm, kosmetik, selain makanan seperti kopi kelulut, gula-gula dan coklat. Industri ini mempunyai potensi yang di samping membolehkan peluang kepada masyarakat untuk merenduk bidang kusahawanan jani.

Industri pertanian kelulut mampu menjadi satu per ekonomi kepada bandar yang mempunyai akses kepada persekitaran semula jadi.

Pembangunan industri ini mampu mewujudkan peluang pekerjaan baharu. Kusahawannya dalam penyelidikan dan pengurusan pertanian madu.

Bukan itu sahaja, dalam bidang pertanian, kelulut membantu dalam pemendehaan tumbuhan. Pemendehaan debunga oleh kelulut dan debunga lain yang mempunyai madu yang baik untuk digunakan genomik populasi tumbuhan.

Yang seterusnya meningkatkan daya tahan tumbuhan. Pendebungan

Kelulut jana ekonomi, keterjaminan makanan



PENTERNAK kelulut perlu diiktiraf dengan teknik ternakan lestari bagi memberi perlindungan terhadap koloni. - GAMBAR HIASAN

oleh kelulut membantu dalam penghasilan madu dan saiznya lebih besar, stihar dan tahan daripada penyakit.

Ini secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan hasil pertanian dan keselamatan pengeluaran madu.


Dr. Syari Jaman memaparkan madu kelulut mampu meningkatkan metabolisme badan, memantapkan tenaga badan, menjaga kecantikan, menguntikan wanita yang baru bersalin serta merawat kesihatan. Madu kelulut dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sebagai 'Superfood' pertama negara.

Ia membuktikan bahawa pemertanian kelulut memerlukan teknik dan peralatan yang baik untuk memastikan portu mampan dan pengubahsuaian madu optimum.

Oleh itu, penternakan kelulut dan perkembangan industri madu kelulut memerlukan cukukan dan pengurusan mampan.

Ia bagi memastikan keselamatan madu kolon terpelihara tanpa merosakkan populasi lebah kelulut atau habitat asalnya.

Madu kelulut juga perlu didedahkan dengan teknik ternakan lestari untuk memastikan perlindungan terhadap koloni, di samping menjaga keselamatan kelulut dan madu.



PENTERNAK kelulut memerlukan teknik dan perhatian yang teliti. - GAMBAR HIASAN



MAJU kelulut dipercayai kerana membolehkan pelbagai khidmat.

Kelulut membantu dalam pendebungan tumbuhan apabila berakunya pemindahan debunga oleh kelulut dari satu bunga ke bunga lain. Ia membantu meningkatkan kepelbagaian genetik dalam populasi tumbuhan."

DR. SYARI JAMAN

SHARIYAH HANIFFAH WAN SERAIL adalah penerbit buletin Sistem Usahawan dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Lagi syarikat cabar keputusan penalti MyCC

PETALING JAYA: Sebuah lagi syarikat dilaporkan sedang berunding dengan penasihat undang-undang mereka untuk mencabar keputusan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang mengenakan penalti RM70.02 juta atas dakwaan pelanggaran penetapan harga.

Syarikat berkenaan ialah Malayan Flour Mills Bhd. dan syarikat usaha samanya, Dindings Poultry Development Centre Sdn. Bhd.

Syarikat berkenaan menyuli langkah diambil anak syarikat pengilangan tepung dan makanan haiwan PPB Group Bhd iaitu FFM Bhd. pada 22 Disember lalu, yang dilaporkan akan berunding dengan penasihat undang-undang luarnya untuk mencabar keputusan MyCC mengenakan penalti sebanyak RM42.69 juta atas dakwaan pelanggaran sama.

Bernama melaporkan, syarikat tersebut dalam makluman

kepada Bursa Malaysia semalam berkata, penemuan pelanggaran oleh MyCC itu adalah tanpa permit.

“Malayan Flour dan Dindings Poultry akan mengambil tindakan yang perlu dan sewajarnya untuk merayu keputusan itu dan memohon pengurangan keputusan tersebut untuk sementara waktu,” katanya.

Pada 22 Disember lalu, MyCC berkata, ia mengenakan penalti hampir RM415.5 juta terhadap lima pengeluar makanan ayam kerana melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712) dengan membentuk kartel penetapan harga bagi makanan ayam.

Syarikat itu ialah Leong Hup Feedmill (M) Sdn. Bhd., FFM Bhd., Gold Coin Feedmills (M) Sdn. Bhd., Dindings Poultry Development Centre Sdn. Bhd. dan PK Agro-Industrial Products (M) Sdn. Bhd.